



# **SIARAN MEDIA**

*Media Release*

## **INDEKS HARGA PENGGUNA**

*Consumer Price Index*

(Jan 2015=100)

**JANUARI 2022**

***JANUARY 2022***



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) BUKAN MAKANAN MENINGKAT  
SEBANYAK 2.9 PERATUS TAHUN-KE-TAHUN BAGI BULAN JANUARI 2022.**

---

1. Bagi bulan Januari 2022, IHP Bukan Makanan meningkat sebanyak 2.9 peratus tahun-ke-tahun, manakala IHP Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 2.5 peratus.
2. Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh tiga (3) kumpulan iaitu Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan 10.0 peratus, Pakaian dan Kasut 9.9 peratus, dan Pengangkutan 5.5 peratus.
3. Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan. Manakala, peningkatan dalam harga Pakaian dan Kasut terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga pakaian luar wanita (seperti pakaian *readymade* dan tudung) dan kenaikan harga bahan pakaian wanita (seperti kain *cotton*, *silk* dan *lace*). Kenaikan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan terus mendorong peningkatan harga Pengangkutan.
4. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti minyak masak 28.1 peratus; daging lembu dan kerbau 14.8 peratus; dan kek, pastri dan biskut 2.0 peratus.
5. Kenaikan harga minyak masak adalah antarlain disebabkan oleh penurunan keluaran (*short supply*) dan musim hujan di negara pengeksport. Manakala, bagi harga daging lembu dan kerbau, kenaikan adalah antarlain disebabkan oleh permintaan yang meningkat dan gangguan rantai bekalan disebabkan oleh wabak COVID-19.
6. Secara keseluruhan, peningkatan harga Bukan Makanan dan harga Makanan dan Minuman Ringan telah menyumbang kepada peningkatan IHP sebanyak 2.8 peratus tahun-ke-tahun.
7. Selain daripada itu, indeks-indeks yang menunjukkan penurunan tahun-ke-tahun adalah Perhubungan 0.8 peratus, Rekreasi dan Budaya 0.2 peratus, dan Pendidikan 0.1 peratus.
8. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Januari 2022 meningkat sebanyak 1.1 peratus berbanding dengan bulan Disember 2021. Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.6 peratus, manakala Indeks Bukan Makanan meningkat sebanyak 1.2 peratus.
9. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Januari 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) OF NON-FOOD INCREASED BY 2.9 PER CENT YEAR ON-YEAR IN JANUARY 2022.**

---

1. *In January 2022, the Non-Food CPI increased by 2.9 per cent year-on-year, while Food and Non-Alcoholic Beverages CPI increased by 2.5 per cent.*
2. *The increase in the Non-Food component was driven by three (3) groups i.e., Miscellaneous Goods and Services 10.0 per cent, Clothing and Footwear 9.9 per cent, and Transport 5.5 per cent.*
3. *Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance. Meanwhile, the increase in Clothing and Footwear was mainly due to the increase in prices of women's outer clothing (for e.g., readymade clothing and headscarves) and the prices of clothing material for women (for e.g., cotton, silk fabric, and lace). Rising prices of motor cars and air fares continue to drive up Transport prices.*
4. *The increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the rise in prices of food such as cooking oil 28.1 per cent; beef and buffalo meat 14.8 per cent; and cakes, pastries and biscuits 2.0 per cent.*
5. *The increase in prices of cooking oil was due to, among others, short supply and wet season in exporting countries. Meanwhile, the increase in prices of beef and buffalo meat was due to, among others, rising demand and COVID-19 induced supply chain disruptions.*
6. *Overall, the increase in prices of Non-Food and prices of Food and Non-Alcoholic Beverages have contributed to a 2.8 per cent year-on-year increase in CPI.*
7. *In addition, indices which registered decreases year-on-year were Communication 0.8 per cent, Recreation and Culture 0.2 per cent, and Education 0.1 per cent.*
8. *For month-on-month changes, the CPI in January 2022 increased by 1.1 per cent compared to December 2021. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 0.6 per cent while the Non-Food Index increased by 1.2 per cent.*
9. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for January 2022 is available from DEPS' website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*